

PALESTIN KEPENTINGANNYA KEPADA UMAT ISLAM

Farahwahida Bt Mohd Yusof & Noor' Amirah Bte Abd Ghaffar
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Kepentingan Palestin kepada umat Islam sememangnya telah mendapat perhatian penulis. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui latar belakang dan sejarah kewujudan negara Palestin. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kepentingan negara Palestin kepada umat Islam dan peranan yang perlu dimainkan oleh umat Islam dalam menyelesaikan isu Palestin. Kajian ini menggunakan metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data untuk mendapatkan hasil kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti umat Islam menyedari tentang pentingnya peranan mereka untuk membebaskan bumi Palestin daripada cengkaman Zionis. Namun demikian, umat Islam kurang memberi maklumbalas berkesan terhadap tindakan yang sewajarnya diambil dalam menyelesaikan kemelut yang menimpa Palestin. Di akhir kajian, dinyatakan kesimpulan dan cadangan untuk perhatian pihak tertentu yang terlibat bagi menangani isu Palestin dengan lebih sistematik dan berkesan.

ABSTRACT: The importance of Palestine to the Muslim *ummah* has definitely caught the attention of the author. This study is aimed at finding out the background and history of Palestine's existence. Besides that, this study also seeks to identify the importance of the nation of Palestine to the Muslim *ummah* and the roles that the *ummah* needs to play in resolving the ongoing issue involving Palestine. This study identifies the research subject, data collection and data analysis to obtain research findings. The findings show that the majority of the Muslim *ummah* are aware of the importance of their role in liberating Palestine from the Zionists. However, the Muslim *ummah* has yet to respond effectively in resolving the Palestinian crisis. At the end of the research, a conclusion and suggestions for the attention of certain parties involved aimed at resolving the Palestinian in a more systematic and effective manner are included.

Katakunci: Palestin, Zionis

PENGENALAN

Dewasa ini, Islam diserang dari pelbagai sudut oleh musuh-musuhnya. Pelbagai agenda telah dirancang seperti penghinaan terhadap Rasulullah s.a.w, peperangan, pergaduhan sesama Islam dan sebagainya. Serangan ini bertujuan untuk menjatuhkan maruah agama Islam sekaligus mampu menjejaskan imej dan kewibawaannya. Keadaan ini dibuktikan melalui konflik yang berlaku di Palestin.

Penyataan Masalah

Isu Palestin bukanlah isu baru bagi dunia Islam dan masyarakat antarabangsa. Bahkan ia turut menjadi isu kemanusiaan sejagat tanpa mengira agama, bangsa, dan negara. Hal ini kerana isu Palestin melibatkan isu hak asasi manusia sebagaimana yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Dewasa ini, kebanyakan umat Islam sudah tidak memahami dan kurang arif terhadap isu-isu berkaitan dengan Palestin yang membabitkan umat Islam dan kepentingannya kepada dunia Islam. Situasi ini termasuklah konflik antara Palestin dan regim Israel. Ramai yang mengatakan bahawa ia hanya satu konflik politik dunia Arab. Ada yang mengatakan bahawa ia soal perkauman, *apartheid*, soal agama, pembersihan etnik dan lain-lain (Hafidzi Mohd Noor, 2006: iii).

Selain itu, masyarakat menganggap bahawa isu Palestin sebagai isu perjuangan agama Islam dan isu penduduk Palestin sahaja. Bahkan terdapat juga umat Islam yang langsung tidak mengetahui dan mengambil peduli mengenai Palestin. Keadaan ini menggambarkan seolah-olahnya Palestin adalah dunia yang asing dan tidak pernah wujud di muka bumi ini. Sedangkan konflik di Palestin itu melibatkan isu tanah, isu kemerdekaan, isu kedaulatan dan isu keperibadian sesebuah bangsa, isu keadilan dan kemanusiaan sejagat. Oleh yang demikian, penulis merasakan perlu dibuat satu kajian untuk mengkaji kepentingan negara Palestin kepada umat Islam (Chandra Muzaffar, 2007: 63).

Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif dan tujuan kajian ini dijalankan. Berikut merupakan objektif kajian ini.

- 1 Untuk mengenalpasti latar belakang dan sejarah kewujudan negara Palestin.
- 2 Untuk mengenalpasti kepentingan negara Palestin kepada umat Islam.
- 3 Untuk mengenalpasti peranan umat Islam dalam menangani isu Palestin.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini amat penting dan sangat bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya, masyarakat awam umumnya, pelajar dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Berikut merupakan kepentingan kajian secara terperinci terhadap masyarakat, pelajar dan NGO.

Masyarakat

Kajian ini amat penting kepada masyarakat Islam secara khususnya kerana ia memberi pendedahan dan penerangan yang sebenar tentang kepentingan negara Palestin kepada umat Islam. Hal ini demikian kerana isu Palestin melibatkan isu akidah umat Islam secara keseluruhannya. Justeru, masyarakat Islam perlu bersatu dan memainkan peranan mereka bagi membebaskan bumi suci umat Islam itu dari cengkaman Zionis.

Penulis juga berharap kajian ini mampu memberikan kefahaman dan gambaran yang sebenar kepada masyarakat awam tentang Palestin. Pada umumnya masyarakat sering mendapat maklumat yang tidak tepat tentang perjuangan rakyat Palestin. Mereka disogokkan dengan pelbagai berita palsu yang sebenarnya jelas bertujuan untuk menyokong propaganda Barat.

Justeru, penulis amat berharap kajian ini mampu membantu menyedarkan masyarakat bahawa isu Palestin ini merupakan satu isu kemanusiaan sejagat yang merentas sempadan masa, agama, bangsa, dan negara. Hal ini demikian kerana isu ini melibatkan pelbagai persoalan seperti kedaulatan sebuah negara yang dicabul, hak kemanusiaan yang telah dirampas dan juga pelbagai peristiwa kezaliman yang tidak pernah tercatat dalam sejarah manusia moden.

Pelajar

Pelajar merupakan generasi penting yang bakal memimpin negara pada masa hadapan. Merekalah yang akan menentukan corak kepimpinan negara. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengambil berat dan peka kepada isu semasa yang berlaku di sekeliling mereka. Penulis amat berharap kajian ini mampu memberikan maklumat yang jelas dan berguna kepada para pelajar agar mereka dapat memahami situasi yang sedang berlaku di Palestin dan kepentingan negara Palestin itu sendiri kepada umat Islam.

Diharapkan, para pelajar dapat mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku di Palestin seterusnya menggunakan peluang yang ada untuk memajukan diri ke tahap yang lebih baik.

Non-Government Organisations (NGO)

Penulis berharap agar kajian ini dapat memberi dan menyumbangkan idea kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menyalurkan bantuan dan sumbangan kepada masyarakat Palestin dengan lebih progresif dan konsisten. Hal ini perlu bagi meringankan beban masyarakat Palestin yang telah berusaha keras untuk membebaskan bumi Palestin daripada terus dijajah oleh Zionis demi mempertahankan maruah agama Islam.

Skop Kajian

Kajian ini membincangkan isu-isu berkaitan dengan negara Palestin bermula dari latar belakang dan sejarah kewujudannya yang berkait rapat dengan akidah umat Islam. Kepentingan isu ini diketengahkan kepada umat Islam supaya mereka lebih peka dan mengetahui dengan benar berkenaan dengan peranan mereka dalam menangani isu Palestin.

METODOLOGI

Metode Penentuan Subjek

Dalam menentukan subjek yang dipilih, penulis telah menggunakan teknik *judgement sampling* dalam kajian yang dijalankan. Menurut Marohaini, penyelidik lazimnya akan menggunakan akal, peluang, masa yang ada dan juga persoalan kajian sebagai kriteria dalam menentukan pemilihan peserta kajian (Marohaini, 2001: 47).

Dalam kajian ini, penulis telah memilih tajuk negara Palestin sebagai *sampel* kajian walaupun masih terdapat banyak lagi negara Islam yang berada diambang peperangan seperti Afghanistan, Iraq, Somalia, Chechya, Bosnia dan lain-lain. Rasional pemilihan tajuk kajian ini kepada penulis kerana bumi Palestin merupakan satu-satunya bumi suci para Nabi; kiblat pertama umat Islam dan merupakan Tanah Haram yang ketiga selepas Mekah dan Madinah yang dikuasai Zionis sejak sekian lama. Ia mewakili salah satu daripada isu umat Islam yang gagal diselesaikan oleh pemimpin Islam sehingga ke hari ini.

Metode Pengumpulan Data

Terdapat beberapa metode yang digunakan oleh penulis untuk mengumpulkan data bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

i. Metode Dokumentasi

Data berbentuk dokumen boleh diperoleh daripada pelbagai sumber. Antaranya menurut Yin (1994), pelbagai jenis dokumen seperti surat, memorandum, lain-lain kenyataan rasmi (seperti agenda, pengumuman, minit mesyuarat, laporan bertulis tentang sesuatu aturcara) dokumen pentadbiran (seperti kertas cadangan, laporan kemajuan), dokumen dalaman dan bahan yang dipaparkan di media massa yang boleh digunakan penulis untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan (*Ibid*, 2001: 129). Dalam kajian ini, penulis menggunakan beberapa dokumen bertulis seperti ensiklopaedia, majalah, buku-buku yang berkaitan dengan tajuk kajian, akhbar, buletin dan risalah untuk menyiapkan kajian ini.

ii. Metode Kajian Perpustakaan

Penulis menggunakan metode dokumentasi dalam rangka kajian perpustakaan bagi mendapatkan pelbagai sumber maklumat yang berkaitan dengan tema kajian. Penulis membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan seperti berikut:

- i. Perpustakaan Awam Perbadanan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan.
- ii. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- iii. Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.

Di samping itu, penulis turut mendapat kerjasama daripada orang perseorangan untuk mendapatkan dokumen yang berkaitan dengan tema kajian penulis.

iii. Metode Sejarah

Penulis menggunakan metode sejarah dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Pendekatan sejarah atau historik bermaksud penyusunan sistematik yang membabitkan kajian dan penilaian data yang berkaitan dengan peristiwa yang terjadi pada masa lampau (Azizi Yahaya *et al*, 2007: 31).

Penulis menggunakan metode sejarah ini bagi mengenalpasti latar belakang, sejarah negara Palestin dan Yahudi, kronologi peristiwa yang terjadi, kepentingan Palestin kepada umat Islam dan agama lain, peristiwa keganasan dan kezaliman Zionis, dan tokoh-tokoh perjuangan Palestin

Selain itu, penulis menggunakan pelbagai dokumen yang berkaitan dengan tema kajian penulis dalam melengkapkan kajian ini. Dokumen seperti buku-buku sejarah, majalah, buletin, risalah dan akhbar banyak digunakan dalam kajian ini.

Metode Analisis Data

Kesemua maklumat yang dikumpulkan melalui metode-metode yang digunakan itu, seterusnya dianalisa. Dalam menganalisa data, penulis telah menggunakan metode:

- i. Metode Induktif
- ii. Metode Deduktif

Metode Induktif

Pendekatan Induktif merupakan satu proses logik yang memberikan penjelasan umum berdasarkan spesifik kes. Menurut Hagan dalam Sabitha (2006: 18), bagi pendekatan ini, penulis bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian dari sesebuah penyelidikan, seterusnya ia cuba untuk memberikan satu penjelasan daripada hasil tersebut.

Metode Deduktif

Merupakan proses logik yang bermula dengan kesimpulan yang umum dan membuat ramalan berdasarkan pengujian ke atas pemerhatian yang spesifik. Ia bermula dengan persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus (Sabitha, 2006:19).

PERBINCANGAN

Sejak tercetusnya isu Palestin ini, terdapat pelbagai reaksi yang diberikan oleh masyarakat Islam dan bukan Islam secara umumnya, baik di peringkat antarabangsa mahupun dalam kalangan rakyat tempatan. Berikut merupakan peranan yang telah dimainkan oleh beberapa pihak dalam membela rakyat Palestin:

Organisation of The Islamic Conference (OIC)

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa peranan OIC dalam mempertahankan masjid al-Aqsa masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Hal ini demikian kerana masjid al-Aqsa masih berada dalam kawalan Zionis. Hanya mereka sahaja yang layak menentukan orang-orang yang dibenarkan memasuki masjid al-Quds. Misalnya, bagi golongan remaja dan belia dalam kalangan rakyat Palestin mereka tidak dibenarkan untuk mendirikan solat di dalam masjid. Hanya golongan lelaki tua dan tidak berupaya sahaja yang dibenarkan untuk melakukan solat di masjid tersebut. Di samping itu, semasa umat Islam menunaikan solat Jumaat di masjid tersebut, puluhan tentera Israel mengawal kawasan masjid bersama senapang mereka. Selain itu, Zionis juga bebas keluar masuk ke kawasan Baitul Maqdis. Mereka juga melakukan banyak serangan ke atas masjid-masjid yang berada di Palestin (Utusan Malaysia, 2009: 1).

Selain itu, OIC juga mengadakan mesyuarat tindakan eksekutif OIC. Dalam mesyuarat itu, beberapa persetujuan telah disepakati bagi menangani isu Palestin. Antaranya ialah mengadakan Tabung Kemanusiaan membantu mangsa di Gaza, membentuk kumpulan pengaman di Gaza, menghentikan peperangan dan beberapa resolusi lain. Namun, secara realitinya OIC tidak mempunyai kekuatan secara fizikal sepertimana PBB. Hal ini demikian kerana ia merupakan pertubuhan organisasi Majlis Negara-negara Islam sahaja dan tidak mempunyai perlembagaan eksekutif yang membolehkan ia mempunyai kuasa ketenteraan bagi melaksanakan misi pengaman.

Kerajaan Malaysia

Malaysia telah menyerahkan nota bantahan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Ban Kim Moon, bagi mengecam dan mengutuk keganasan Israel terhadap penduduk Gaza yang mengakibatkan hampir 376 rakyat Palestin yang terkorban pada Januari 2009 yang lalu. Di samping itu, nota bantahan yang sama turut dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Ekmeleddin Ihsanoglu dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Condoleeza Rice yang meminta serangan itu dihentikan dengan serta-merta (Berita Harian, 2009: 4).

Seterusnya, kerajaan Malaysia turut menyumbang dana kewangan kepada penduduk Palestin yang berjumlah US\$1 Juta. Wang itu disalurkan menerusi Mercy Malaysia bagi menyediakan bantuan bekalan yang diperlukan. Sebarang bantuan berbentuk barangan tidak digalakkan kerana kos penghantaran bantuan ke Palestin akan menjadi lebih mahal. Justeru, kelengkapan seperti barangan dan peralatan lain-lain akan dibeli di Mesir untuk dibawa masuk ke Gaza melalui pintu sempadan di Rafah (Utusan Malaysia, 2009: 1).

Selain itu, kerajaan Malaysia juga telah mengambil tindakan segera dengan mengadakan Sidang Parlimen khas mengenai isu Palestin ini pada 12 Januari 2009 bersamaan 15 Muharam 1430H pada hari Selasa. Persidangan ini bukanlah pertama kali dibuat oleh kerajaan Malaysia, bahkan ia merupakan persidangan kedua sejak tahun 1965. Tujuan persidangan ini diadakan ialah untuk mengeluarkan resolusi berhubung langkah-langkah penyelesaian segera yang perlu diambil bagi menggesa dunia agar segera menamatkan kekejaman rejim Zionis terhadap rakyat Palestin (*Ibid*, 2009: 10).

Non-Government Organisations (NGO)

Berikut merupakan beberapa badan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang telah memainkan peranan penting bagi membantu rakyat Palestin:

i. AMAN PALESTIN.

Aman Palestin Berhad secara khasnya telah ditubuhkan secara rasmi pada 3hb. Januari 2006 sebagai sebuah syarikat berhad yang tidak berteraskan keuntungan (*Non-Profit Organisation*) bagi membantu

rakyat Palestin secara kolektif, sistematik, berterusan dan berkesan. Namun demikian syarikat ini telah memulakan operasinya pada akhir tahun 2004 bagi menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan orang ramai untuk meringankan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Palestin (Aman Palestin, t.t: 6).

ii. *Malaysian Medical Relief Society (MERCY)*

Mercy Malaysia (Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia) merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada 1999 dengan fokus utama untuk memberi bantuan kemanusiaan. Mercy Malaysia sudah bertindak sebagai badan bantuan kemanusiaan antarabangsa serta bertindak mengikut piawaian antarabangsa. Tujuan penubuhannya ialah untuk memberi bantuan tindak balas apabila berlaku krisis dan bencana dalam jangka masa 48 hingga 72 jam daripada bermula sesuatu krisis. Dalam kes serangan Israel ke atas penduduk Palestin berlaku pada 27 Disember lalu. Maka Mercy Malaysia telah mengaktifkan mekanismenya pada 30 Disember lalu dengan menghantar pasukan pertama di sempadan Gaza bagi menepati mandat tempoh yang ditetapkan (Berita Harian, 2009: 20).

iii. *Islamic Relief Malaysia (IRM)*

Islamic Relief Malaysia (IRM) merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang merupakan cawangan kepada *Islamic Relief* yang berpusat di Birmingham, United Kingdom, yang ditubuhkan pada tahun 1984. IRM telah memulakan operasinya sejak tahun 1998. Namun demikian ia ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2005 di Malaysia. Antara objektif utama penubuhannya ialah untuk memberi bantuan kecemasan dan kemanusiaan kepada mangsa yang ditimpa bencana (<http://www.irm.org.my/aboutus.html>, 4 Januari 2009: 8.10 pm).

Masyarakat Islam

Antara peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat Islam seluruhnya ialah dengan memboikot barangan buatan Israel dan Amerika Syarikat bagi menunjukkan rasa sokongan kepada rakyat Palestin yang telah dizalimi Zionis dan sekutunya. Hal ini demikian kerana dengan cara memboikot produk dan segala perkhidmatan mereka, ekonomi musuh mampu dilumpuhkan sekiranya semua masyarakat Islam melakukannya secara konsisten dan berterusan. Antara produk dan perkhidmatan yang wajar diboikot ialah Sprite, Fanta, Sunkist, IBM, Intel, Apple Computers, Kleenex, Kotex, Hush Puppies, Revlon dan Timberland (Utusan Malaysia: 2009, 2).

RUMUSAN

Secara umumnya kajian mendapati bahawa umat Islam hanya memainkan peranan yang umum dan masih lagi belum memenuhi matlamat umat Islam di Palestin. Hal ini demikian kerana kebanyakan aktiviti (peranan yang dimainkan) yang dibuat hanyalah berupa sumbangan dan bantuan kemanusiaan sahaja. Namun demikian ia masih lagi gagal membebaskan Palestin daripada penjajahan dan pengaruh Israel.

Selain itu, meskipun negara-negara Islam mempunyai pertubuhannya sendiri seperti OIC dan Liga Arab. Mereka masih lagi berada di bawah pengaruh Amerika Syarikat serta tidak mempunyai semangat kerjasama yang kukuh antara negara Islam. Hal ini demikian kerana semasa pencerobohan Zionis ke atas Palestin, umpamanya Mesir telah menyekat bantuan kemanusiaan di sempadan Palestin dengan menutup pintu yang menghubungkan kedua-dua negara. Bahkan Mesir hanya bersetuju untuk membuka sempadannya sekiranya diberi keizinan oleh Israel. Keadaan ini secara jelas menunjukkan bahawa Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) masih belum sepakat dalam menangani isu Palestin.

Selain itu, penulis juga sependapat dengan penulisan Maszlee Malik yang menyatakan bahawa OIC hanya akan bertindak selepas umat Islam dibunuh secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, tindakan OIC hanyalah dengan mengecam dan mengutuk Israel sahaja. Namun demikian kecaman dan kutukan OIC itu tidak berjaya memberhentikan keganasan yang dilakukan Zionis. Tambahan pula, OIC juga tidak berani

membuat kenyataan sepertimana yang dilakukan oleh Ken Livingstone terhadap Israel bagi membela rakyat Palestin (Maszlee Malik, 2007: 220).

Selain itu, kerajaan Malaysia juga dilihat amat prihatin terhadap masyarakat Palestin dan berusaha keras untuk mendapatkan sokongan masyarakat antarabangsa agar Israel dapat dihadapkan ke muka pengadilan antarabangsa di Geneva kerana telah melakukan kekejaman yang melampau dan pembersihan etnik ke atas masyarakat Palestin. Selain itu, kerajaan turut memberikan sokongan yang padu kepada rakyat Palestin di samping mengecam Israel dengan sekeras-kerasnya agar menghentikan kekejaman yang dilakukan terhadap rakyat Palestin.

Seterusnya, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Aman Palestin, IRM, Mercy dan yang seumpama dengannya dilihat amat komited dalam melaksanakan tugas mereka membantu rakyat Palestin. Hal ini demikian kerana mereka menjalankan pelbagai aktiviti untuk mendapatkan dana untuk membiayai rakyat Palestin. Badanbadan ini menyampaikan sumbangan kepada rakyat Palestin dalam pelbagai bentuk seperti makanan, perubatan dan pendidikan bagi meringankan beban rakyat Palestin di samping memastikan rakyat Palestin dapat meneruskan kehidupan mereka.

Selanjutnya, masyarakat Islam turut menyatakan sokongan padu mereka kepada rakyat Palestin. Mereka melakukan solat hajat, demonstrasi, dan mengadakan tabung Palestin untuk mengutip sumbangan kewangan untuk disampaikan kepada mangsa Zionis di Palestin. Selain itu, terdapat ramai masyarakat Islam yang masih lagi bekerjasama antara satu sama lain dalam menangani isu Palestin. Iran misalnya membekalkan senjata kepada pejuang Palestin secara sulit, Syria memutuskan rundingan dengan Israel, UAE mengumpul dana bagi memulihkan semula kerosakan di Gaza dan seumpamanya. Keadaan ini jelas menunjukkan mereka begitu memahami penderitaan dan kesengsaraan yang dialami rakyat Palestin (Utusan Malaysia, 2009: 1).

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Ibn Hajar al-Asqalani (2003), *Fathul Baari: Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari*, buku 6, Riyad: Pustaka Azzam.

K.H. Qamaruddin Isham al-Shababithi, Hazim Muhammad, 'Imad 'Amir (1994), *Terjemah Shahih Muslim*, Indonesia: Firma Mustaqim.

Shaleh (1975), *Asbabun Nuzul: Latar belakang Historis Turunnya Ayat-ayat Quran*, Bandung: Diponegoro Bandung.

Sheikh Abdullah Basmeih (2000), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Terengganu: Darulfikir.

Adiana Husaini (2004), *Tinjauan Historis Konflik Yahudi-Kristian-Islam*, Jakarta: Gema Insani.

Afareez Abd Razak al-Hafiz, (2009), *Benarkah Iskandar Bukan Zulnarnain*, Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Shalaby, (1977), *Perbandingan Agama Yahudi*, karya terjemahan, Singapura: Pustaka Nasioanal

Ahmad Zaki Abdul Latif, Abdul Nasir Hj Musa, Mohd Yusof Yusak (2006), *Pemikiran Islam Semasa*, Selangor: I Book Publication Sdn Bhd.

Alijah Gordon (2003), *Rakyat Palestin Bersuara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

David Sylvester, Tony Boddington, Gwenifer Griffiths, William Harrison, John Mann, Aileen Plummer, Denis Shemilt, Peter Wenham (1977), *Arab-Israel Conflict*, Edinburgh: Holmes McDougall Ltd.

Farahwahida Mohd Yusof, (2007), *Aliran Kepercayaan Sejarah dan Perkembangan di Malaysia*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Fathi Yakan (1988), *Islam di tengah-tengah Persekongkolan Musuh Abad ke-20*, Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.